

Jenis Akhbar : Harian Metro  
Tarikh : 03/03/2018  
Edisi / Muka Surat : Tengah/39



ABDUL Fattah (dua dari kiri) bertukar dokumen dengan Ketua Pegawai Eksekutif TA Investment Management Berhad, Datin Alicia Tiah pada Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman di Wisma Ungku Aziz, semalam.

### Kuala Lumpur

## EMAS inisiatif khidmat perubatan berpatutan

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) akan melaksanakan Program Eksklusif Manfaat Medikal Pesara (EMAS) melalui anak syarikatnya, MyAngkasa Holdings Sdn Bhd (MHSB) pada Mei ini.

Presiden ANGKASA, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, program itu adalah jalinan kerjasama antara MHSB dan TA Investment Management Berhad (TA Investment) dan ia julung kali diwujudkan di negara ini.

“Inisiatif ini diterajui ANGKASA turut

membabitkan kepakaran dari Malaysia dan organisasi antarabangsa, iaitu Eropah, Dubai dan India bagi menyediakan program EMAS yang berkualiti pada kos yang berpatutan.

“Bagi kumpulan sasaran pula, ia difokuskan kepada anggota koperasi serta mereka yang telah menghampiri usia persaraan iaitu dalam lingkungan umur 60 tahun hingga 80 tahun,” katanya pada sidang media di Wisma Ungku Aziz, semalam.

Menurutnya, jumlah peserta program EMAS

adalah dalam lingkungan 200,000 orang, manakala kos penyertaan program EMAS dianggarkan tidak melebihi RM2,000 setahun.

Turut hadir, Pengarah Urusan MHSB, Shaharuddin Mohamed, dan Timbalan Presiden Kanan TA Investment, Rose Razak.

Dalam pada itu, Rose berkata, program EMAS adalah satu inisiatif bagi membantu ahli koperasi yang bersara dengan mendapatkan perkhidmatan perubatan pada harga yang berpatutan.